



**HEALTHIER, LONGER,  
BETTER LIVES**

AIA Bhd. (790895-D)

Menara AIA,  
99 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
T : 03-2056 1111

AIA.COM.MY

## Siaran Berita

### AIA Tawar Manfaat Insurans untuk Kesihatan Mental

*Pelan perubatan **A-Plus Health** dipertingkat bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapatkan bantuan*

Kuala Lumpur, 4 Julai 2019 – Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan mendapati seramai **4.2 juta rakyat Malaysia** mengalami masalah kesihatan mental<sup>1</sup>. Statistik ini menunjukkan peningkatan sebanyak dua kali ganda sejak sedekad lalu dengan peningkatan jumlah kes daripada 10.7% pada tahun 1996 ke 29.2% pada 2015<sup>2</sup>. Isu kesihatan mental semakin hangat diperkatakan di negara ini sehingga wujudnya perbincangan berkenaan punca-punca, penyelesaian dan terkini, perlindungan insurans. Sebagai sebahagian daripada usaha syarikat untuk membantu menangani isu kesihatan mental di Malaysia, AIA Bhd. hari ini memperkenalkan satu lagi manfaat tambahan kepada pelan perubatan **A-Plus Health** yang dipertingkatkan bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapatkan bantuan untuk kesihatan mental.

A-Plus *Health* yang telah dilancarkan pada tahun 2018 merupakan *rider* perubatan yang boleh ditambah kepada pelan berkaitan pelaburan berpremium lazim AIA iaitu A-LifeLink 2 dan juga A-Life Joy 2. *Rider* ini didatangkan dengan ciri yang pertama seumpama di pasaran yang dikenali sebagai **Health Wallet**. Bagi setiap tahun di mana pelanggan tidak membuat sebarang tuntutan daripada A-Plus *Health*, sejumlah amaun akan dikreditkan ke dalam Health Wallet mereka, sehingga 10 kali. Pelanggan boleh menggunakan jumlah terkumpul di dalam Health Wallet untuk perbelanjaan perubatan tambahan mahupun perkhidmatan pencegahan yang secara lazimnya tidak dilindungi oleh pelan perubatan seperti:

- **pemeriksaan kesihatan dan vaksinasi**
- **perbelanjaan untuk anggota tiruan dan alat bantuan pendengaran**
- **perlindungan terhadap masalah kongenital**
- **penjagaan pemulihan kanser, strok dan serangan jantung**

<sup>1</sup> <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/07/31/42-million-have-mental-health-issues/>

Diperoleh pada 27 Jun 2019

<sup>2</sup> <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/05/490498/include-mental-health-treatment-insurance-coverage-says-mpa>

Diperoleh pada 27 Jun 2019

Kini, ciri Health Wallet mempunyai manfaat baru dengan penambahan perlindungan kesihatan mental. Kesemua pelanggan A-Plus *Health* baharu dan sedia ada dapat menggunakan manfaat ini tanpa sebarang peningkatan premium atau caj insurans. Selain itu, pelanggan juga dapat menuntut sehingga **RM1,500 setahun** untuk membayar yuran perundingan psikiatri di hospital awam maupun swasta. Manfaat ini meliputi **enam (6) keadaan kesihatan mental:** **Keceluaran Kemurungan Major (Major Depressive Disorders), Kemurungan Postpartum (Selepas Bersalin) (Post-Partum Depression), Skizofrenia, Keceluaran Bipolar, Keceluaran Obsesif Kompulsif (Obsessive-Compulsive Disorder)** dan **Sindrom Tourette (Tourette Syndrome).**

Penambahan manfaat perlindungan ini merupakan sebahagian daripada komitmen AIA untuk membantu rakyat Malaysia untuk hidup **Lebih Sihat, Berpanjangan dan Bermakna** dengan mengambil langkah pertama bagi membantu menangani peningkatan jumlah rakyat Malaysia yang mengalami masalah kesihatan mental. Salah satu daripada faktor yang mengekang rakyat Malaysia untuk mendapatkan bantuan profesional adalah disebabkan beban kewangan yang sering dikaitkan dengan perundingan dan rawatan<sup>3</sup>.

Bercakap tentang manfaat terkini A-Plus *Health*, Ketua Pegawai Pemasaran AIA Bhd. Heng Zee Wang menjelaskan bahawa AIA sentiasa berusaha dan menyahut cabaran untuk melangkui peranannya sebagai sebuah syarikat insurans tradisional sebaliknya menjadi salah satu pengaruh kesihatan yang memahami keperluan dan kebimbangan rakyat yang kian meningkat.

Jelas Zee Wang: "Kesihatan mental terus menjadi cabaran kepada orang ramai dan juga industri kesihatan ekoran kurangnya data dan kefahaman. Meskipun masih banyak yang perlu dilaksanakan – buat masa ini, AIA bersedia melakukan apa yang termampu untuk menggerakkan isu ini ke hadapan. Langkah pertama yang ingin kami tangani adalah mendapatkan rawatan yang juga merupakan salah satu daripada halangan utama dalam proses pemulihan kesihatan mental. Dengan manfaat baru ini, AIA berharap untuk mendorong lebih ramai rakyat Malaysia untuk mengambil langkah pertama mendapatkan bantuan profesional."

AIA Malaysia memulakan perjalanan advokasi kesihatan mental pada tahun 2016 dengan pelancaran AIA Vitality, sebuah program kesihatan unik berasaskan sains yang memberi penilaian kesejahteraan mental berkala terhadap stres, kesejahteraan psikologikal dan sokongan sosial kepada ahli-ahlinya. Kemudian, pada tahun 2017, AIA memperkenalkan **A-Life Lady360** yang merupakan pelan pertama seumpama di pasaran yang menawarkan perlindungan terhadap Rawatan Psikoterapi untuk Kebimbangan dan Kemurungan (*Psychotherapy Treatment for Anxiety and Depression*) serta **A-Plus BabyCare** yang menawarkan manfaat untuk Autism dan Gangguan Kurang Tumpuan Hiperaktif (*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*) (ADHD). Barubaru ini, AIA turut tampil membantu mengatasi masalah kekurangan tidur (salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah kesihatan mental<sup>4</sup>) di kalangan rakyat Malaysia dengan

---

<sup>3</sup> <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/05/490498/include-mental-health-treatment-insurance-coverage-says-mpa>  
Diperoleh pada 27 Jun 2019

<sup>4</sup> [https://www.health.harvard.edu/newsletter\\_article/sleep-and-mental-health](https://www.health.harvard.edu/newsletter_article/sleep-and-mental-health)  
Diperoleh pada 27 Jun 2019

memperkenalkan manfaat penjejak tidur menerusi program AIA Vitality yang memberi ganjaran kepada ahli yang berjaya mencapai waktu tidur selama tujuh (7) jam setiap malam.

"Kami sedar terdapat peningkatan terhadap keperluan pelan insurans untuk menawarkan perlindungan kesihatan mental di negara ini – dan saya optimistik bahawa dengan kerjasama antara industri insurans, golongan profesional perubatan, pakar dan pengawal selia kesihatan, kami mampu menghasilkan penyelesaian terbaik untuk memenuhi kehendak rakyat Malaysia. Di AIA, kami sentiasa meneroka sempadan baru dan akan terus meneraju industri ini untuk mengembangkan perlindungan ke tahap yang lebih tinggi. A-Plus *Health* adalah produk pertama di pasaran yang memberi ganjaran kepada pelanggan kerana mengamalkan gaya hidup yang sihat dan kini dengan manfaat kesihatan mental, kami berharap ia akan terus memperkasakan rakyat Malaysia untuk menjalani kehidupan yang lebih bermakna," tambah beliau.

Manfaat kesihatan mental ini turut ditawarkan di bawah rider perubatan versi patuh syariah, A-Plus *Health-i*. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.aia.com.my](http://www.aia.com.my)

- TAMAT -

#### **Mengenai AIA Bhd.**

AIA Bhd. adalah peneraju utama syarikat insurans di Malaysia, di mana kami mendapat penghormatan menjalankan perniagaan sejak 1948. Kami menawarkan rangkaian penyelesaian kewangan termasuk Perlindungan, Kesihatan, Kemalangan Peribadi, Faedah Pekerja, Gadai Janji, dan Persaraan untuk memenuhi keperluan dan jaminan kewangan pelanggan kami pada setiap peringkat kehidupan mereka. Melalui rangkaian pengedaran kami yang pelbagai dan luas yang mempunyai kekuatan pasukan agensi dengan hampir 14,000 Perancang Hayat, cawangan rakan kongsi bank kami yang eksklusif di seluruh negara serta pasukan jualan korporat dan broker, kami memberi pelanggan kami pilihan dalam menentukan bagaimana, bila dan di mana mereka menghubungi kami.

Sebahagian daripada Kumpulan AIA, kumpulan insurans hayat pan-Asia yang tersenarai awam bebas yang terbesar, AIA Bhd. mempunyai kekuatan kewangan, pengalaman, rangkaian pusat perkhidmatan serta pasukan terlatih yang terdiri daripada lebih 2,000 kakitangan untuk menawarkan perkhidmatan kepada 3.5 juta pelanggan di seluruh negara. Sehingga 30 Jun 2018, jumlah aset AIA Bhd. bernilai RM51 bilion, dengan modal berbayar sebanyak RM1,451 juta.

#### **Mengenai AIA**

AIA Group Limited dan anak syarikat (keseluruhannya "AIA" atau "Kumpulan") terdiri daripada kumpulan insurans hayat pan-Asia tersenarai awam bebas yang terbesar. Ia beroperasi di 18 pasaran di rantau Asia Pasifik – cawangan dan anak syarikat milik penuh di Hong Kong, Thailand, Singapura, Malaysia, China, Korea, Filipina, Australia, Indonesia, Taiwan, Vietnam, New Zealand, Macau, Brunei, Cambodia, dan mempunyai pegangan anak syarikat sebanyak 97 peratus di Sri Lanka dan satu usaha sama dengan pegangan anak syarikat sebanyak 49 peratus di India serta pejabat perwakilan di Myanmar.

Perniagaan yang kini dikenali sebagai AIA telah ditubuhkan di Shanghai hampir sedekad yang lalu pada tahun 1919. Ianya merupakan peneraju pasaran di rantau Asia Pasifik (tidak termasuk Jepun) berdasarkan premium insurans hayat dan memegang kedudukan utama dalam sebahagian besar pasarannya. Ia mempunyai jumlah aset bernilai USD230 bilion pada 31 Disember 2018.

AIA memenuhi keperluan simpanan dan perlindungan individu secara jangka panjang dengan menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan termasuk insurans hayat, insurans kemalangan dan kesihatan dan pelan simpanan. Kumpulan ini juga menyediakan manfaat pekerja, kredit hayat dan perkhidmatan persaraan kepada pelanggan korporat. Melalui rangkaian ejen-ejen, rakan kongsi dan pekerja yang meluas di seluruh Asia Pasifik, AIA memberikan perkhidmatan kepada lebih daripada 33 juta pemegang polisi individu dan lebih 16 juta peserta skim insurans berkumpulan.

Kumpulan AIA disenaraikan di Papan Utama, Bursa Saham Hong Kong di bawah kod bursa "1299" dengan Resit Depositari Amerika (Tahap 1) yang diniagakan pada kaunter pasaran (simbol ticker: "AAGIY").